

# Soalan Lazim Siri 3/2019

## Anti Rasuah dan Penyelewengan FELDA



### Apakah Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP)?

Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP) 2019-2023 telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 29 Januari 2019 sejajar usaha merealisasikan manifesto ke arah negara bebas rasuah dan berintegriti. Pelan khusus ini dibangunkan oleh Pusat Governans, Integriti dan Anti Rasuah, Jabatan Perdana Menteri (GIACC) dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan lain.

Pelan ini dibuat berdasarkan 22 strategi yang akan diberi keutamaan bagi enam sektor utama dan ia mengandungi 115 inisiatif anti rasuah merangkumi enam sektor iaitu politik, perolehan awam, penguatkuasaan undang-undang, pentadbiran sektor awam, perundangan dan kehakiman serta tadbir urus korporat.

### Sektor manakah yang dilihat berisiko terhadap amalan rasuah di Malaysia? Mengapa ini berlaku?

Berdasarkan trend rasuah di Malaysia dalam tempoh lima tahun yang lalu (2013-2018), sektor awam dilihat sebagai sektor yang paling berisiko terhadap amalan rasuah.

Perkara ini berlaku disebabkan oleh tadbir urus yang lemah dalam bidang perolehan, agensi pengutuasaan undang-undang serta Pentadbiran. (Sumber: NACP)

### Apakah isu rasuah yang telah menyebabkan imej Malaysia tercemar?

Imej Malaysia tercemar dengan isu kleptokrasi yang berpunca daripada KETAMAKAN beberapa individu melibatkan skandal mega seperti 1MDB, **FELDA**, MARA, SRC International, Jabatan Air Sabah dan Tabung Haji.

Skandal ini menyebabkan Malaysia kehilangan berbilion malah trillion ringgit. (Sumber: NACP)

### Apakah punca utama berlakunya rasuah?

Berdasarkan analisis yang diterima oleh SPRM sejak tahun 2013-2018, sebanyak sembilan punca rasuah telah dikenalpasti. Empat punca utama telah diambil kira dalam membangunkan Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP) iaitu:

1. Kelemahan Pentadbiran (36.43%)
2. Konflik kepentingan (33.12%)
3. Kelemahan kawalan dalaman dan ketidakpatuhan (18.97%)
4. Kurang ketelusan (6.45%)

### Mengapakah penjawat awam cenderung melakukan kesalahan rasuah?

Di antara punca utama yang mendorong penjawat awam melakukan kesalahan rasuah ialah:

1. Menginginkan gaya hidup di luar kemampuan.
2. Sikap tamak dan haloba.
3. Wujudnya ruang dan peluang untuk melakukan rasuah.
4. Tahap integriti yang rendah di kalangan penjawat awam.
5. Kurangnya didikan agama dan penerapan nilai-nilai murni.

### Bolehkah pegawai awam menerima hadiah semasa musim perayaan?

Pegawai awam DILARANG memberi atau menerima hadiah dalam apa bentuk sekalipun daripada mana-mana orang yang ada hubungan dengan tugas rasminya tidak kira semasa musim perayaan ataupun tidak.

### Adakah pemberian hadiah yang kecil nilainya dianggap rasuah?

Penerimaan atau pemberian hadiah tidak kira kecil atau besar nilainya adalah menjadi kesalahan rasuah sekiranya:

1. Pemberi hadiah mempunyai hubungan dengan kerja-kerja rasmi pegawai itu atau pegawai bawahannya; dan
2. Pemberian atau penerimaan itu tidak dibuat dengan suci hati atau berniat untuk merasuh.

### Apakah tindakan yang boleh diambil oleh Ketua Jabatan sekiranya menerima borang pengisyiharan penerimaan hadiah daripada pegawai bawahannya?

Ketua jabatan boleh membuat keputusan berikut :

1. Membenarkan pegawai berkenaan menerima hadiah itu;
2. Mengarahkan hadiah itu dikembalikan kepada sipemberi; atau
3. Hadiah disimpan oleh jabatan

### Bolehkah seorang pegawai awam menerima keraian seperti jamuan makan dan sebagianya?

Boleh. Tatapi perlu mengambil perhatian serius mengenai perkara-perkara berikut:

1. Dengan memberi/menerima keraian itu, ia tidak mempengaruhi tugas rasminya.
2. Keraian itu tidak sama sekali menjelaskan kuasa dan tanggungjawab pegawai sebagai pegawai awam untuk kepentingan pihak yang memberi keraian.
3. Tidak bercanggah dengan tatakelakuan pegawai awam.
4. Sensitiviti jabatan di mana pegawai itu bertugas.
5. Kekerapan pegawai menerima keraian.

### Apakah maklumat yang perlu diberikan oleh pelapor dalam membuat laporan rasuah?

Pelapor perlu memberikan maklumat lengkap dan jelas seperti yang berikut:

1. Keterangan tentang salah laku dan identiti pihak yang terlibat;
2. Keterangan tentang bagaimana salah laku dilakukan berserta menyatakan tempat, tarikh dan masa kejadian;
3. Menyertakan keterangan yang berkaitan samada dokumen atau lain-lain perkara yang boleh dijadikan bukti;
4. Butir-butir Pelapor seperti nama, alamat, talian telefon dan email.